

Karangan Berformat: Dialog

Soalan: Kamu mengalami cirit-birit kerana keracunan makanan.

Tulis dialog kamu semasa berjumpa dengan doktor.

- Ren Hui : Selamat pagi, doktor.
- Doktor Goh : Selamat pagi, Ren Hui. Jemput duduk.
- Ren Hui : Terima kasih, doktor.
- Doktor Goh : Ada apa-apa yang boleh saya bantu?
- Ren Hui : Saya mengalami cirit-birit sejak petang semalam.
- Doktor Goh : Apakah yang kamu makan petang semalam?
- Ren Hui : Saya telah membeli kuih donat di tepi jalan selepas pulang dari sekolah.
- Doktor Goh : Oh, begitu! Kemungkinan kamu mengalami keracunan makanan.
- Ren Hui : Adakah masalah keracunan makanan ini boleh membahayakan nyawa saya, doktor?
- Doktor Goh : Oh, cirit-birit ini tidak membahayakan nyawa kamu!. Kamu hanya perlu makan ubat mengikut masa yang telah ditetapkan. Jadi, masalah cirit-birit kamu akan beransur pulih.
- Ren Hui : Baiklah, doktor. Saya akan makan ubat mengikut arahan doktor.
- Doktor Goh : Lain kali, pastikan makanan yang dibeli di tepi jalan itu bersih dan tidak dihinggapi lalat.
- Ren Hui : Terima kasih, doktor. Saya akan mendengar nasihat doktor.
- Doktor Goh : Sama-sama, Ren Hui.